



24 SEP, 2024

Tauke emas dituduh tipu cukai

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Tauke emas dituduh tipu cukai

Shah Alam: Pemilik syarikat emas didakwa di Mahkamah Sesyen, di sini semalam atas lapan pertuduhan memberikan maklumat tidak betul dan catatan palsu dalam penyata berkaitan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) bernilai RM2.22 juta antara 2017 dan 2018.

Bagaimanapun, Mohd Hasriq Zahari, 38, selaku orang kena saman (OKS) mengaku tidak bersalah sebaik pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Rasyidah Ghazali.

Berdasarkan empat pertuduhan, dia didakwa memberikan maklumat tidak betul berhubung cukai 'input' dan 'output' yang diikrar dalam penyata GST-03.

Ini bagi tempoh bercukai secara berperingkat antara 1 April hingga 2017 hingga 30 Jun 2018 yang menyebabkan kekurangan cukai yang dibayar berjumlah RM2.22 juta.

Dia didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 88 (c) Akta GST 2014 boleh dipenjara maksimum tiga tahun atau denda tidak melebihi RM50,000 atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Mohd Hasriq turut menghadapi empat pertuduhan berkaitan membuat catatan palsu dalam penyata sama RM2.22 juta dengan niat mengelak cukai seterusnya melakukan kesalahan mengikut Seksyen 89 (1)(b) Akta GST 2014.

Semua kesalahan dilakukan di Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pelabuhan Klang antara 12 Julai 2017 hingga 17 Julai 2018.

Mahkamah menetapkan sebutan semula kes pada 23 Oktober ini.



24 SEP, 2024

Tauke emas dituduh tipu cukai

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Shah Alam: Pemilik syarikat emas didakwa di Mahkamah Sesyen, di sini semalam atas lapan pertuduhan memberikan maklumat tidak betul dan catatan palsu dalam penyata berkaitan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) bernilai RM2.22 juta antara 2017 dan 2018. Bagaimanapun, Mohd Hasriq Zahari, 38, selaku orang kena saman (OKS) mengaku tidak bersalah sebaik pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Rasyiah Ghazali.